

28/11/2001

PM mampu terajui kewangan

PERDANA Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, akan terus memegang jawatan Menteri Kewangan sehingga kerajaan membuat keputusan lain, kata Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tengku Adnan Tengku Mansor.

Beliau berkata, isu lanjut usia tidak harus timbul kerana yang dijadikan ukuran sebenarnya adalah keupayaan dan kebolehan menjalankan tugas dengan berkesan.

Menjawab soalan Saupi Daud (Pas-Tanah Merah), beliau turut menafikan dakwaan pembangkang bahawa keadaan itu disebabkan kerajaan memerintah ketandusan pemimpin yang cekap, amanah dan berwibawa.

"Kita tidak ketandusan pemimpin, tidak hilang arah. Yang hilang arah ialah pembangkang seperti parti Yang Berhormat dan kawan-kawan.

"Umno ada pemimpin yang cekap, minda cekap untuk terus memimpin negara. Usia tua tidak bermakna tidak boleh jalankan tugas. Dulu, Perdana Menteri turut memegang jawatan Menteri Dalam Negeri. Itu lagi banyak kerja," katanya sambil disampuk Timbalan Speaker Dewan Rakyat, Datuk Muhamad Abdullah bahawa adakalanya, orang yang lanjut usia lebih sihat daripada orang muda.

Terdahulu, pertanyaan Saupi itu menggamatkan Dewan apabila membayangkan Perdana Menteri tidak layak memegang jawatan Menteri Kewangan kerana sudah lanjut usia.

Menyambung pertanyaannya, beliau berkata: "Bukan apa... kita kesian kepada Perdana Menteri. Sudah lanjut usia tapi pegang banyak jawatan... Perdana Menteri lagi, Menteri Kewangan lagi."

Beliau turut mendakwa negara ini seolah-olah akan hancur dan hilang arah jika Dr Mahathir tiada.

Sementara itu, Datuk Mohamad Aziz (BN-Sri Gading) berkata, Pas sebenarnya sakit hati dengan kehebatan Perdana Menteri kerana pemimpin mereka bukan saja lanjut usia, malah tidak memberi apa-apa sumbangan kepada parti.

Sehubungan itu, katanya, Pas seharusnya menuding telunjuk ke diri sendiri apabila membangkitkan isu pemimpin berusia lanjut.

Mengulas kenyataan Mohamad itu, Tengku Adnan berkata, pembangkang tidak sedar mereka sering ketandusan pemimpin menyebabkan hasrat mentadbir negara tidak tercapai.

(END)